

# SMART BABY SHIELD

Protect yourself and your bundle of joy from the very start  
*Lindungi diri dan bayi anda dari awal*



## Lindungi diri dan bayi anda dari awal

Menantikan kelahiran anak di dunia pastinya menjadi hadiah paling bermakna dalam kehidupan. Semasa tempoh kehamilan mahupun selepas bayi dilahirkan, setiap ibu dan bayinya semestinya mendambakan kasih sayang, jagaan dan perhatian yang lebih.

Apabila anda melampirkan Smart Baby Shield pada SmartProtect Junior, anda dan bayi akan menikmati perlindungan menyeluruh semasa tempoh kehamilan mahupun selepas kelahiran bayi. Smart Baby Shield menyediakan perlindungan terhadap perkara yang tidak dijangka, manfaat kemasukan hospital dan ciri tambahan untuk membantu anda berdua menghadapi saat penting dalam kehidupan. Dengan Smart Baby Shield, anda akan mempunyai minda yang tenang untuk meraikan memori bermakna ini agar sentiasa segar dalam ingatan.

## Manfaat sepintas lalu



Jaminan lebih baik semasa kehamilan



Manfaat tunai kemasukan hospital harian



Perlindungan terhadap penyakit berjangkit dan keadaan kongenital



Perlindungan kritikal untuk bayi anda



Perlindungan hayat terhadap perkara yang tidak dijangka



Perlindungan terhadap kematian akibat kemalangan



Perlindungan asas terhadap kanser semasa kehamilan

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



## Jaminan lebih baik semasa kehamilan

Dengan Smart Baby Shield, anda dilindungi terhadap komplikasi yang mungkin timbul semasa tempoh kehamilan. Sekiranya anda didiagnosis untuk kali pertama dengan mana-mana komplikasi semasa kehamilan yang berikut, anda akan menerima manfaat sekaligus sebanyak RM5,000:

1	Abrupsi Plasenta
2	Embolisme Cecair Amnion
3	Eklampsia
4	Placenta Increta/Percreta
5	Pendarahan Postpartum Memerlukan Histerektomi
6	Hati Berlemak Akut Semasa Kehamilan
7	Penggumpalan Intravaskular Selerak (DIC)

Sekiranya mana-mana komplikasi berikut adalah berserta Diabetes Melitus Gestasi (GDM), anda akan menerima tambahan sebanyak 20% daripada manfaat tunai.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



## Manfaat tunai kemasukan hospital harian

Smart Baby Shield memberikan anda jaminan kewangan. Apabila ibu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) atau Unit Rawatan Separa Rapi (HDU) disebabkan komplikasi, manfaat tunai sebanyak RM500 akan dibayar untuk setiap hari kemasukan, sehingga 1 bulan selepas kelahiran anak.

Sebagai tambahan, manfaat tunai sebanyak RM500 akan dibayar untuk setiap hari kemasukan, sehingga maksimum 60 hari, sekiranya bayi anda dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) atau ICU atau HDU di hospital pada bila-bila masa dalam tahun pertama dari tarikh kelahiran bayi anda.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



## Perlindungan terhadap penyakit berjangkit dan keadaan kongenital

Tempoh semasa kehamilan dan selepas kelahiran anak merupakan keadaan apabila ibu hamil dan bayi mudah terjejas. Smart Baby Shield menawarkan anda jaminan dengan membayar manfaat sekaligus sebanyak RM1,000 sekiranya anda atau bayi anda didiagnosis dengan mana-mana penyakit berjangkit yang berikut:

Semasa diagnosis		Semasa kemasukan hospital	
1	Demam Campak	1	Virus Zika
2	Penyakit Tangan Kaki dan Mulut	2	Sindrom Pernafasan Timur Tengah Virus Korona (MERS-CoV)
3	Demam Chikungunya	3	Ebola
4	Demam Tifoid	4	Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)
5	Rabis	5	Influenza A – Avian Influenza A(H7N9) & A(H5N1)
		6	Ensefalitis Virus Nipah
		7	Ensefalitis Jepun
		8	Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
		9	Malaria
		10	Demam Denggi Berdarah

Anda akan menerima pembayaran balik sehingga RM30,000 setahun apabila anak anda dimasukkan ke hospital pada bila-bila masa sehingga ulang tahun polisi sebelum anak anda mencapai umur 5 tahun hari jadi berikut, disebabkan mana-mana keadaan kongenital berikut:

1	Atresia Anus	11	Penyempitan Aorta
2	Kecacatan Septum Atrium	12	Palsi Serebrum
3	Katarak Jenis Kongenital	13	Spina Bifida
4	Pekak Jenis Kongenital	14	Atresia Esofagus
5	Hernia Diafragma Kongenital	15	Fistula Trakea Esofagus
6	Hidrosefalus Bayi	16	Bibir Sumbing dan/atau Lelangit Rekah
7	Tetralogi Fallot	17	Sindrom Down
8	Salur Darah Utama Terbalik	18	Retinopati Prematang
9	Salur Darah Tunggal (Truncus Arteriosis)	19	Ketiadaan Dua Anggota Badan
10	Kecacatan Septum Ventrikel		

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



### Perlindungan kritikal untuk bayi anda

Smart Baby Shield sedia memberi perlindungan jika bayi anda memerlukan penjagaan rapi selepas kelahiran. Sekiranya bayi anda perlu diletakkan dalam inkubator dalam masa 60 hari selepas kelahiran, anda akan menerima manfaat tunai sebanyak RM200 setiap hari, sehingga maksimum 60 hari.

Selain itu, sekiranya bayi anda memerlukan Rawatan Fototerapi untuk Jaundis Neonatal, manfaat sekaligus sebanyak RM1,000 akan dibayar kepada anda.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



### Perlindungan hayat terhadap perkara yang tidak dijangka

Smart Baby Shield membantu meringankan beban kewangan anda dan orang tersayang jika kehilangan nyawa yang tidak dijangka berlaku. Sekiranya ibu meninggal dunia disebabkan komplikasi akibat kelahiran atau kehamilan, sebelum kelahiran dan sehingga 1 bulan selepas kelahiran, anda akan menerima manfaat sekaligus sebanyak RM30,000.

Sekiranya bayi meninggal dunia semasa kehamilan, kelahiran atau 30 hari selepas kelahiran, manfaat sekaligus sebanyak RM5,000 dan jumlah nilai pelaburan (jika ada) akan dibayar kepada anda.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



### Perlindungan terhadap kematian akibat kemalangan

Anda tidak tahu bila kemalangan akan berlaku dan ia mungkin menyebabkan perancangan anda terganggu. Demi menjamin masa depan untuk orang tersayang anda, manfaat kematian akibat kemalangan akan dibayar apabila ibu meninggal dunia sebelum kelahiran dan sehingga 1 bulan selepas kelahiran anak.



*\*Kematian akibat kemalangan bagi ibu yang berlaku semasa berada dalam pengangkutan awam (selain daripada kereta kabel, teksi, kereta sewa atau sebarang bentuk pengangkutan yang disewa bagi perjalanan persendirian); atau sebagai penumpang dalam lif atau lif elektrik; atau akibat kebakaran sebarang teater, pawagam, hotel atau bangunan awam lain yang mana hayat yang diasuranskan berada di situ semasa kebakaran bermula.*

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



### Perlindungan asas terhadap kanser semasa kehamilan

Sebagai ibu yang mengandung, Smart Baby Shield akan memberikan anda perlindungan kewangan asas terhadap kanser. Apabila ibu yang mengandung didiagnosis dengan kanser, manfaat sekaligus sebanyak RM5,000 akan dibayar untuk menyokong proses pemulihan anda.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*

## Rumusan Jadual Manfaat

### Perlindungan bagi Ibu

Smart Baby Shield	Amaun Manfaat
1. Kematian ibu akibat kelahiran anak/ komplikasi semasa kehamilan: a. Sebelum kelahiran, dan b. Sehingga 1 bulan selepas kelahiran anak.	RM30,000
2. Semasa diagnosis kali pertama bagi komplikasi semasa kehamilan: a. Abrupsi Plasenta b. Embolisme Cecair Amnion c. Eklampsia d. Placenta Increta/Percreta e. Pendarahan Postpartum Memerlukan Histerektomi f. Hati Berlemak Akut Semasa Kehamilan g. Penggumpalan Intravaskular Selerak (DIC)  Bagi komplikasi kehamilan yang disenaraikan di atas berserta Diabetes Melitus Gestasi (GDM), tambahan 20% daripada manfaat di atas akan dibayar.	RM5,000 + tambahan RM1,000 jika mengalami GDM
3. Manfaat kemasukan hospital (akibat komplikasi semasa melahirkan anak) apabila dimasukkan ke ICU/HDU (sehingga satu (1) bulan selepas kelahiran)	RM500 sehari
4. Manfaat kanser semasa kehamilan (tempoh menunggu selama 30 hari)	RM5,000
5. Manfaat penyakit berjangkit apabila salah satu daripada penyakit berjangkit berikut berlaku:  Semasa diagnosis: a. Demam Campak b. Penyakit Tangan Kaki dan Mulut c. Demam Chikungunya d. Demam Tifoid e. Rabies	RM1,000

### Perlindungan bagi Ibu (Samb.)

Smart Baby Shield	Amaun Manfaat
Semasa kemasukan hospital: a. Virus Zika b. MERS-CoV c. Ebola d. SARS e. Influenza A – Avian Influenza A(H7N9) & A(H5N1) f. Ensefalitis Virus Nipah g. Ensefalitis Jepun h. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) i. Malaria j. Demam Denggi Berdarah	RM1,000
6. Manfaat kematian akibat kemalangan	RM30,000
7. Manfaat kematian akibat kemalangan semasa berada dalam pengangkutan awam	RM60,000

## Rumusan Jadual Manfaat

### Perlindungan bagi Anak


Smart Baby Shield	Amaun Manfaat
1. Kematian anak: a. Mati dalam kandungan, atau b. Daripada kelahiran sehingga 30 hari selepas kelahiran	RM5,000 + jumlah nilai pelaburan
2. Manfaat kemasukan hospital: Kemasukan hospital di NICU, ICU atau HDU pada bila-bila masa dalam tempoh satu tahun pertama daripada kelahiran hayat yang diasuranskan, sehingga maksimum 60 hari.	RM500 sehari
3. Inkubasi bayi baru lahir	RM200 sehari
<i>Nota: Syarikat hanya akan membayar sama ada manfaat kemasukan hospital atau inkubasi bayi baru lahir, mana yang lebih tinggi.</i>	
4. Rawatan Fototerapi untuk Jaundis Neonatal bagi tahap tertentu	RM1,000
5. Pembayaran balik kemasukan hospital akibat keadaan kongenital: a. Atresia Anus b. Kecacatan Septum Atrium c. Katarak Jenis Kongenital d. Pekak Jenis Kongenital e. Hernia Diafragma Kongenital f. Hidrosefalus Bayi g. Tetralogi Fallot h. Salur Darah Utama Terbalik i. Salur Darah Tunggal (Truncus Arteriosus) j. Kecacatan Septum Ventrikel k. Penyempitan Aorta l. Palsi Serebrum m. Spina Bifida n. Atresia Esofagus o. Fistula Trakea Esofagus p. Bibir Sumbing dan/ atau Lelangit Rekah q. Sindrom Down r. Retinopati Prematang s. Ketiadaan Dua Anggota Badan	Sehingga RM30,000 setahun

### Perlindungan bagi Anak (Samb.)

Smart Baby Shield	Amaun Manfaat
6. Manfaat penyakit berjangkit apabila salah satu daripada penyakit berjangkit berikut berlaku:  Semasa diagnosis: a. Demam Campak b. Penyakit Tangan Kaki dan Mulut c. Demam Chikungunya d. Demam Tifoid e. Rabis  Semasa kemasukan hospital: a. Virus Zika b. MERS-CoV c. Ebola d. SARS e. Influenza A – Avian Influenza A(H7N9) & A(H5N1) f. Ensefalitis Virus Nipah g. Ensefalitis Jepun h. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) i. Malaria j. Demam Denggi Berdarah	RM1,000

# Gambaran manfaat

Contoh perjalanan Smart Baby Shield bagi ibu dan anak:



Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

ICU: Unit Rawatan Rapi

HDU: Unit Rawatan Separa Rapi

NICU: Unit Rawatan Rapi Neonatal

### Jadual Caj Insurans bagi Smart Baby Shield

Umur Hari Jadi Berikut	Bulan Pertama (RM)	MDD selepas EDD* (RM)	Jumlah (RM)
19	540	540	1,080
20	541	541	1,082
21	541	541	1,082
22	541	541	1,082
23	541	541	1,082
24	541	541	1,082
25	542	542	1,084
26	542	542	1,084
27	542	542	1,084
28	542	542	1,084
29	542	542	1,084
30	543	543	1,086
31	544	544	1,088
32	545	545	1,090
33	545	545	1,090
34	546	546	1,092
35	547	547	1,094
36	548	548	1,096
37	549	549	1,098
38	550	550	1,100
39	551	551	1,102
40	553	553	1,106
41	553	553	1,106
42	554	554	1,108
43	555	555	1,110
44	555	555	1,110
45	555	555	1,110

\*MDD selepas EDD: Tarikh Tamat Tempoh Bulanan (MDD) selepas Tarikh Jangkaan Kelahiran (EDD).

Caj insurans akan ditolak secara dua kali ansuran, iaitu caj pertama akan ditolak pada tarikh kemasukan polisi (Tarikh Pemulaan) dan caj kedua pada Tarikh Tamat Tempoh Bulanan selepas Tarikh Jangkaan Kelahiran.

Caj insurans di atas akan dikenakan berdasarkan umur hari jadi berikut yang dicapai bagi ibu. Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan caj insurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan Syarikat akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum semakan semula.

## Soalan Lazim

### S: Siapakah yang boleh memohon?

Hayat yang Diasuranskan	Umur Kemasukan	
Ibu	Minimum	19 tahun hari jadi berikut
	Maksimum	45 tahun hari jadi berikut
Anak	Minimum	13 minggu
	Maksimum	35 minggu

Nota:

- Ibu yang hamil anak kembar atau lebih tidak layak untuk produk ini.
- Tertakluk pada terma dan syarat.

### S: Berapakah tempoh perlindungan saya?

Hayat yang Diasuranskan	Tempoh Perlindungan
Ibu	Sehingga 1 bulan selepas kelahiran anak
Anak	Sehingga ulang tahun polisi sebelum anak mencapai umur 5 tahun hari jadi berikut

### S: Berapakah premium yang perlu saya bayar?

J: Anda tidak perlu membayar premium untuk rider penolakan unit ini. Walau bagaimanapun, anda mungkin perlu membayar premium tambahan untuk memastikan polisi akan berterusan.

### S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada Smart Baby Shield tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai adalah tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

## Pengecualian dan Had

Syarikat tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Smart Baby Shield disebabkan serta termasuk mana-mana perkara berikut secara langsung atau tidak langsung:

### Pengecualian bagi ibu:

- Sakit sedia ada; atau
- Disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras; atau
- Disebabkan ibu melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang; atau
- Di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan doktor. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
  - 35mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan
  - 80mg alkohol bagi setiap 100ml darah
  - 107mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing; atau
- Disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kewujudan sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Syarikat berhak meminta ibu menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terlebih dahulu sebelum membenarkan sebarang tuntutan; atau
- Disebabkan ibu memilih untuk tidak meneruskan kehamilan selain daripada sebab perubatan; atau
- Disebabkan sebarang komplikasi akibat rawatan kesuburan termasuk persenyawaan in-vitro; atau
- Disebabkan sebarang tindakan pelanggaran undang-undang, jenayah atau tindakan yang disengajakan atau kegagalan untuk bertindak; atau
- Disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

### Pengecualian bagi anak:

- Disebabkan penggunaan dadah melainkan atas preskripsi doktor;
- Disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Syarikat berhak meminta hayat yang diasuranskan menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terlebih dahulu sebelum menerima sebarang tuntutan; atau
- Disebabkan sebarang komplikasi akibat rawatan kesuburan termasuk rawatan kesuburan kaedah in-vitro; atau

- Disebabkan sebarang tindakan pelanggaran undang-undang, jenayah atau tindakan yang disengajakan atau kegagalan untuk bertindak; atau
- Disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Tambahan lagi, manfaat tidak akan dibayar bagi kematian akibat kemalangan untuk sebarang kecederaan yang berlaku sebelum kelahiran anak dan sehingga 1 bulan selepas kelahiran anak dan menyebabkan kehilangan berlaku, akibat mana-mana perkara yang berikut, secara langsung atau tidak langsung:

1. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras;
2. Penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak disebabkan dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan;
3. Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
4. Daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata;
5. Penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa;
6. Disebabkan ibu melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh ibu atau mengelak daripada ditangkap;
7. Semasa berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh doktor. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
  - a. 35mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan
  - b. 80mg alkohol bagi setiap 100ml darah
  - c. 107mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing; atau
8. Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila ibu akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut;
9. Daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya;
10. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
11. Daripada penglibatan ibu dalam komando atau tugas/ latihan pemusnahan bom.

## Notis Penting

Smart Baby Shield merupakan dua rider dengan penolakan unit yang boleh dilampirkan pada pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium tetap yang terpilih. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Caj insurans yang dikenakan akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda secara bulanan. Anda boleh berhenti membayar premium di bawah polisi dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah nilai pelaburan yang mencukupi untuk membayar caj insurans. Namun, terdapat kemungkinan polisi menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk caj rider, melebihi jumlah nilai pelaburan bagi unit dana yang sedia ada.

Anda boleh melampirkan Smart Baby Shield pada pelan Smart**Protect** Junior sahaja. Kedua-dua rider di bawah Smart Baby Shield mesti dilampirkan bersama; sekiranya salah satu daripada rider tersebut ditamatkan, rider yang satu lagi juga akan ditamatkan.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa rider ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi pada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika suatu rider dibatalkan dalam tempoh ini, pemilik polisi berhak memperoleh penguatkuasaan semula unit yang ditolak untuk bayaran caj insurans selepas menolak perbelanjaan bersih yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada. Jika anda menukar polisi/rider anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi/rider lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi/rider.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk, buku panduan Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI) dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

*Istilah "Great Eastern" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.*

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Penasihat Perancangan Hayat Great Eastern Life anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.**

## BRANCH OFFICES / PEJABAT CAWANGAN / 分行地址

### Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah  
05200 Alor Setar, Kedah

### Batu Pahat

109, Jalan Rahmat  
83000 Batu Pahat, Johor

### Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4  
Bintulu Parkcity Commerce Square  
Jalan Tun Ahmad Zaidi/  
Jalan Tanjung Batu  
97000 Bintulu, Sarawak

### Ipoh

Wisma Great Eastern  
16, Persiaran Tugu, Greentown Ave  
30450 Ipoh, Perak

### Johor Bahru

Wisma Great Eastern  
02-01, Blok A  
Komersil Southkey Mozek  
Persiaran Southkey 1  
Kota Southkey, 80150 Johor Bahru

### Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A  
Bandar Baru Klang  
41150 Klang, Selangor

### Kluang

No. 22 & 24  
Jalan Md Lazim Saim  
86000 Kluang, Johor

### Kota Bharu

No. S25/5252-T & U  
Jalan Sultan Yahya Petra  
15200 Kota Bharu, Kelantan

### Kota Kinabalu

Wisma Great Eastern  
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya  
88000 Kota Kinabalu, Sabah

### Kuala Terengganu

2<sup>nd</sup> Floor, 6F  
Bangunan Persatuan Hin Ann  
Jalan Air Jernih, 20300  
Kuala Terengganu, Terengganu

### Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek  
25200 Kuantan, Pahang

### Kuching

House No. 51, Lot 435  
Section 54, KTLD  
Travilion Commercial Centre  
Jalan Padungan  
93100 Kuching, Sarawak

### Lahad Datu

Ground & 1st Floor  
MDLD 3804, Lot 66  
Fajar Centre, Jalan Segama  
91100 Lahad Datu, Sabah

### Melaka

No. 23, Jalan PM 15  
Plaza Mahkota  
75000 Melaka

### Miri

Lots 1260 & 1261  
Block 10, M.C.L.D, Jalan Melayu  
98000 Miri, Sarawak

### Penang

25, Light Street  
10200 Penang

### Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40  
Lorong Indah 15  
Bandar Indah, Phase 7  
Mile 4, North Road  
90000 Sandakan, Sabah

### Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan  
70000 Seremban  
Negeri Sembilan

### Sibu

No. 10 A-F  
Wisma Great Eastern  
Persiaran Brooke  
96000 Sibu, Sarawak

### Taiping

133A, Jalan Barrack  
34000 Taiping, Perak

### Tawau

Ground Floor  
Wisma Great Eastern  
Jalan Billian  
91000 Tawau, Sabah

## HEAD OFFICE / IBU PEJABAT / 总公司

### Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ 03-4259 8888

☎ 03-4259 8000

✉ [wecare-my@greataeasternlife.com](mailto:wecare-my@greataeasternlife.com)

🌐 [www.greataeasternlife.com](http://www.greataeasternlife.com)

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) is licensed under the Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia.

For the latest contact details, please refer to the Company's website.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.

大东方人寿保险（马来西亚）有限公司（93745-A）在2013年金融服务法令下获得执照并由马来西亚国家银行管制。

有关最新通讯资料，请浏览本公司网页。